

21/01/2001

Tugas berat menanti Shahrizat

Zainuddin Ayip

ADA yang berkata, apa perlunya ditubuhkan kementerian khas untuk wanita? Jika lelaki yang menjawab, mungkin jawapannya: Wanita masih dianggap kaum lemah dan memerlukan perlindungan. Jadi, memang wajar ada badan khas menjaga dan membela nasib golongan itu.

Yang jelas, menangani masalah wanita bukan mudah, apa lagi jika dikaitkan dengan pelbagai isu seperti isteri diceraikan, kena dera dan tidak diberi nafkah, masalah ibu tunggal, gadis terjebak di kancah pelacuran dan kegiatan tidak bermoral. Malah diskriminasi wanita dalam pelbagai bidang pekerjaan juga mendorong wanita harus dibela.

Justeru itu, penubuhan Kementerian Hal Ehwal Wanita memang dialu-alukan. Datuk Shahrizat Abdul Jalil, 47, yang diberi amanah menerajui kementerian itu, perlu menggalas tanggungjawab yang agak berat dan mencabar.

Sebagai satu elemen masyarakat yang sangat penting, wanita yang bertindak sebagai isteri, ibu dan pendidik, memang wajar diberi perhatian. Jadi, sudah sampai masanya wanita diberi perhatian melalui satu kementerian khusus yang boleh dianggap sebagai payung dan pelindung kaum hawa.

Ia juga selari dengan hasrat kerajaan untuk melihat penyertaan 30 peratus wanita dalam membuat dasar negara pada masa depan, selain menghargai sumbangan wanita yang cukup besar selama ini.

Sambil mengucapkan terima kepada Perdana Menteri yang melantiknya, Shahrizat berkata: "Isu wanita perlu dilihat secara menyeluruh termasuk cabaran wanita dalam melayari alaf baru. Penting juga kita lihat tekanan dan masalah yang dihadapi wanita masa kini".

Berdasarkan sejarah politik tanah air, Wanita Umno sejak zaman Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri telah berjuang meminta kerajaan menubuhkan kementerian khas untuk wanita dan hanya berjaya mendapat sebuah majlis perundingan wanita pada zaman Tun Hussein Onn sebagai Perdana Menteri.

Kemudian, Unit Hal Ehwal Wanita (Hawa) di bawah Jabatan Perdana Menteri ditubuhkan ketika Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri sebelum dipertingkatkan statusnya kepada kedudukan jabatan beberapa tahun lalu dan kepada sebuah kementerian, tahun ini.

Dr Mahathir bukan bermain catur ketika mewujudkan kementerian baru itu. Beliau sudah melihat bahawa sumbangan wanita dalam pelbagai bidang termasuk politik memang besar. Kuasa undi wanita cukup penting dan boleh mengubah warna pentadbiran sekarang.

Bagaimanapun, Shahrizat memang sudah bersedia memikul tanggungjawab itu kerana beliau bukan baru dalam politik. "Biasanya apabila ada pelantikan kabinet, orang mengatakan saya muka baru dalam Umno. Tetapi saya sebenarnya sudah menjadi ahli Umno sejak 1981 dan 15 tahun menjadi ahli biasa sebelum menduduki kerusi Ketua Umno cawangan Kepong. Selepas 14 tahun memegang pelbagai jawatan, saya dilantik menjadi Setiausaha Parlimen pada 1995. Selepas lima tahun, saya dilantik Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan kini menteri penuh," katanya.

Shahrizat sedar apabila menduduki kerusi menteri, apalagi berkaitan wanita, harapan semua pihak kepadanya cukup tinggi dan beliau mesti bekerja kuat untuk menyahut dan memenuhi harapan itu.

Dari satu sudut, pelantikan Shahrizat mengetuai kementerian itu sebagai satu cara meluaskan pengaruh dalam politik. Antara beliau sebagai menteri dan Naib Ketua Wanita Umno Malaysia seolah-olah tidak boleh dipisahkan. Ini kerana tanggungjawabnya tetap sama iaitu berkaitan hal ehwal wanita.

Namun bagi Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, Kementerian Hal Ehwal Wanita yang baru diwujudkan tidak sepatutnya dilihat secara terasing atau sebagai satu kementerian eksklusif untuk wanita sahaja.

Ia sebenarnya sebuah kementerian yang turut membantu membangunkan masyarakat dan negara kerana isu wanita tidak boleh diasingkan dengan masyarakat umum dan negara.

"Jangan ada yang salah faham mengapa perlu diwujudkan kementerian yang hanya menjaga hal ehwal wanita," katanya pada majlis penyampaian bantuan persekolahan dan komputer kepada pelajar dan sekolah di kawasan Parlimen Kuala Kangsar, Khamis lalu.

Menurut Rafidah, masyarakat umum perlu sedar bahawa wanita adalah teras dalam pembangunan keluarga, masyarakat dan negara yang secara langsung atau tidak langsung turut membantu membangunkan negara dan masyarakat.

"Wanita sebagai ibu, bertanggungjawab membangunkan masyarakat dan sebagai tenaga pekerja turut membantu membangunkan industri dan ekonomi negara. Untuk melatih wanita yang menyara keluarga dan mendidik wanita membentuk keluarga yang baik, memang perlu diwujudkan kementerian itu," katanya.

Kenyataan Rafidah memang berasas, namun pemerhati politik menyifatkan perkembangan sekarang boleh menghakis sedikit pengaruhnya, apalagi setelah Shahrizat menjadi menteri dan Puteri Umno digerakkan sepenuhnya tidak lama lagi.

Namun, Rafidah dan Shahrizat adalah gandingan mantap untuk menggerakkan wanita negara ini. Kementerian yang baru ditubuhkan itu mempunyai tanggungjawab mengadakan rancangan dan strategi membangunkan wanita secara berterusan dan mengatasi gejala sosial yang belum dapat dibendung sepenuhnya.

Ini termasuk mengkaji keperluan perundangan dan peraturan negara membabitkan wanita sama ada wujudnya peraturan yang menjadi sekatan kepada kemajuan wanita dalam pelbagai bidang.

Kementerian itu bertanggungjawab membuat rumusan dan hala tuju serta strategi masa depan wanita, manakala kementerian lain boleh membantu melaksanakan strategi itu.

Jangan lupa bahawa kementerian itu turut berperanan menggalakkan wanita menjadi usahawan berjaya. Wanita yang mendapat peluang pendidikan sama dengan lelaki harus bersaing dengan kaum Adam dalam mengejar peluang perniagaan. Kementerian itu boleh mengatur program yang dapat meningkatkan taraf hidup wanita.

Ketika asyik menguruskan hal ehwal wanita, Shahrizat pula tidak harus melupakan kawasan parlimennya di Lembah Pantai. Ini kerana majoriti undi yang dimenangi pada pilihan raya umum 1999 lalu begitu tipis.

Sepanjang tahun lalu, ketika Shahrizat mengetuai Hawa, ada beberapa kenyataan menarik yang disiarkan di dalam akhbar. Berita Minggu misalnya, menyiarkan dua kenyataan beliau yang mengundang polemik.

Akhbar ini keluaran 27 Ogos lalu, menyiarkan di muka depan mengenai kenyataan beliau bahawa kerajaan akan menjalankan satu kaji selidik mengenai ciri-ciri lelaki idaman untuk memudahkan wanita negara ini mencari dan mengenal pasti pasangan yang paling sesuai.

Apa yang kita tahu manusia yang mencari pasangan hidup masing-masing, tetapi jodoh Tuhan yang menentukannya. Kaji selidik mengenai lelaki idaman memang sesuatu yang ideal, tetapi sukar dilaksanakan. Ini kerana lelaki yang sudah bersuami boleh berubah setahun, lima tahun atau 10 tahun selepas berkahwin. Perubahan ini bukan sahaja disebabkan oleh tuan punya diri, malah ada kaitan dengan perubahan sikap isterinya sendiri.

Satu lagi kenyataan disiarkan di muka depan akhbar ini, keluaran 12 November lalu meluahkan kebimbangannya terhadap pasangan yang sudah lama berkahwin tetapi berakhir dengan perceraian.

Lebih membimbangkan Shahrizat apabila tindakan lelaki berumur menceraikan isterinya yang sudah hidup sebumbung sejak berbelas atau berpuluh tahun, mengahwini wanita muda dan cantik termasuk berumur belasan tahun.

Bagi beliau, kebimbangan ini memang ada alasannya. Namun sesuatu perceraian bukan sahaja berpunca daripada lelaki, malah wanita juga terbabit sama. Siapa yang harus disalahkan jika wanita muda berkahwin dengan lelaki berumur? Memang jarang lelaki berumur yang tidak mempunyai kedudukan dan harta diterima menjadi suami wanita muda.

Apa yang perlu difikirkan ialah sikap wanita muda itu sendiri yang mahu tempat perlindungan dan mengejar kebendaan hingga terdorong memilih lelaki berumur sebagai suaminya.

Namun, awal tahun baru 2001 dianggap kemenangan bagi golongan Hawa. Mahu tidak mahu, Shahrizat mesti bersedia menghadapi kenyataan bahawa tugasnya cukup mencabar kerana dikhuatiri, jika ada pelbagai masalah berkaitan wanita seperti terbabit di dalam gejala sosial dan penderaan, tentu ada pihak akan menuding jari ke arah beliau.

Untuk mengatasi pelbagai masalah wanita, kerja secara berpasukan memang perlu. Beliau tidak harus mengambil keputusan bersendirian terutama membabitkan sesuatu dasar. Adalah lebih baik jika beliau berganding bahu dengan pihak lain seperti badan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan sukarela dan parti politik termasuk daripada parti pembangkang.

Apa pun, wanita kini sudah diberi penghargaan. Peguam Negara dan Gabenor Bank Negara sudah disandang oleh wanita. Kini, golongan Hawa terus berusaha mendapatkan kepercayaan daripada pelbagai pihak termasuk kerajaan agar diberi peluang menduduki kerusi naib canselor pula.

(END)